

BIL.	PERUNTUKAN SEDIA ADA	CADANGAN PINDAAN	JUSTIFIKASI
1	<p>Seksyen 3. Tafsiran</p> <p>Dalam Akta ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain –</p>	<p>Seksyen 3. Tafsiran</p> <p>Dalam Akta ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain –</p> <p>“cerun” ertinya permukaan tanah atau batuan yang bercoram samada secara semulajadi ataupun didirikan termasuklah apa-apa binaan yang berkaitan dengan yang tersebut di atas.</p> <p>“geoteknikal” ertinya bidang yang berkaitan kelakuan tanah dan batuan dari segi kejuruteraan termasuklah jenis, keadaan, profil, rekabentuk struktur, penstabilan cerun serta kerja-kerja pemantauan yang berkaitan dengan yang tersebut di atas.</p>	<p>Keperluan memasukkan tafsiran cerun dan geoteknikal kerana terdapat pindaan yang berkaitan di dalam Seksyen 70 dan Seksyen 85(A)</p>

BIL.	PERUNTUKAN SEDIA ADA	CADANGAN PINDAAN	JUSTIFIKASI
2.	<p>Seksyen 9 (3)</p> <p>Pihak berkuasa tempatan boleh memberi arahan bertulis kepada orang yang mengemukakan sesuatu pelan untuk suatu jalan baharu berkenaan dengan mana-mana daripada butir-butir yang berikut:</p> <p>(a) pematuhan Akta ini dan mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya;</p> <p>(b) garis jalan baharu itu, bagi memastikan supaya ia menjadi suatu jalan yang terus menerus dengan mana-mana jalan yang sedia ada atau mana-mana jalan baharu yang dicadangkan;</p> <p>(c) aras, bahan dan pembinaan jalan baharu itu;</p> <p>(d) mengadakan lorong kaki dan besarnya, penentuan dan cerun lorong kaki itu;</p> <p>(e) mengadakan di sepanjang jalan baharu itu jalan silang atau lorong belakang silang;</p> <p>(f) lebar jalan baharu itu;</p> <p>(g) lebar mana-mana jalan atau lorong belakang silang, yang mana hendaklah selebar yang</p>	<p>Seksyen 9 (3)</p> <p>Pihak berkuasa tempatan boleh memberi arahan bertulis kepada orang yang mengemukakan sesuatu pelan untuk suatu jalan baharu berkenaan dengan mana-mana daripada butir-butir yang berikut:</p> <p>(a) pematuhan Akta ini dan mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya;</p> <p>(b) garis jalan baharu itu, bagi memastikan supaya ia menjadi suatu jalan yang terus menerus dengan mana-mana jalan yang sedia ada atau mana-mana jalan baharu yang dicadangkan;</p> <p>(c) aras, bahan dan pembinaan jalan baharu itu;</p> <p>(d) mengadakan lorong kaki dan besarnya, penentuan dan kecerunan lorong kaki itu;</p> <p>(e) mengadakan di sepanjang jalan baharu itu jalan silang atau lorong belakang silang;</p> <p>(f) lebar jalan baharu itu;</p> <p>(g) lebar mana-mana jalan atau lorong belakang silang, yang mana hendaklah selebar yang</p>	<p>Perkataan “cerun” perlu ditukar kepada perkataan yang lebih sesuai iaitu kecerunan. Penyemakan telah dibuat dalam Akta 133 versi Bahasa Inggeris dimana ‘gradient’ digunapakai dalam Seksyen ini yang membawa maksud ‘kecerunan’ (Rujukan Kamus Dwi Bahasa). Ianya juga supaya tidak bercanggah dengan cadangan pindaan Seksyen 3 mengenai tafsiran perkataan cerun.</p>

	<p>dikehendaki oleh pihak berkuasa tempatan;</p> <p>(h) cerun, aras dan cara pamaritan jalan baharu itu dan mana-mana jalan atau lorong belakang silang;</p> <p>(i) membulatkan penjuru jalan baharu itu;</p> <p>(j) mengadakan pemetung dan besarnya, penentuan, dan cerun bagi pemetung itu; dan</p>	<p>dikehendaki oleh pihak berkuasa tempatan;</p> <p>(h) kecerunan, aras dan cara pamaritan jalan baharu itu dan mana-mana jalan atau lorong belakang silang;</p> <p>(i) membulatkan penjuru jalan baharu itu;</p> <p>(j) mengadakan pemetung dan besarnya, penentuan, dan kecerunan bagi pemetung itu; dan</p>	
--	--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	--

BIL.	PERUNTUKAN SEDIA ADA	CADANGAN PINDAAN	JUSTIFIKASI
3.	<p>Seksyen 70</p> <p>Tiada seseorang boleh mendirikan sesuatu bangunan tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan</p> <p>Seseorang yang bercadang mendirikan sesuatu bangunan hendaklah menyebabkan untuk dikemukakan oleh orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan</p> <p>(a) kepada pihak berkuasa tempatan apa-apa pelan dan penentuan sebagaimana yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta ini; dan</p> <p>(b) kepada pihak berkuasa berkanun yang relevan apa-apa pelan dan penentuan sebagaimana yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang bertulis lain.</p>	<p>Seksyen 70</p> <p>Tiada seseorang boleh mendirikan sesuatu bangunan tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan</p> <p>Seseorang yang bercadang mendirikan sesuatu bangunan hendaklah menyebabkan untuk dikemukakan oleh orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan</p> <p>(a) kepada pihak berkuasa tempatan apa-apa pelan dan penentuan sebagaimana yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta ini ;</p> <p>(b) kepada pihak berkuasa berkanun yang relevan apa-apa pelan dan penentuan sebagaimana yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang bertulis lain ;</p> <p>(c) kepada pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkanun yang relevan laporan geoteknikal bagi pendirian yang melibatkan cerun berkecerunan melebihi 25 darjah dan jumlah ketinggian tegak melebihi 10 meter. Laporan geoteknikal ini perlulah</p>	<p>Pembangunan yang dicadangkan memerlukan semakan oleh pemeriksa bertauliah geoteknikal adalah hanya pembangunan yang melibatkan cerun melebihi 25 darjah dan jumlah ketinggian tegak melebihi 10 meter sahaja, dimana cerun sebegini boleh memberi implikasi yang buruk kepada orang awam (yang berdekatan dengan kawasan cerun) jika berlaku kegagalan cerun. Pindaan ini juga membolehkan PBT mendapatkan khidmat nasihat semasa peringkat pra pendirian lagi, dimana peringkat ini akan menentukan bagaimana sesuatu cerun itu akan dibina. Ianya juga berupaya meningkatkan keberkesanan, integriti PBT dan pembangunan yang lebih selamat. Penggunaan khidmat pemeriksa bertauliah yang bebas juga pernah di</p>

disemak dan disahkan oleh pemeriksa bertauliah geoteknikal yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia.

sarankan di dalam Jemaah Menteri pada 17 Ogos 2011.

BIL.	PERUNTUKAN SEDIA ADA	CADANGAN PINDAAN	JUSTIFIKASI
2	<ul style="list-style-type: none"> Sub Tajuk Seksyen 85A <p>“Pemeriksaan Bangunan Secara Berkala”</p> <p>(1) Dalam Seksyen ini –</p> <p>“Pemunya” ertinya pemunya sesuatu bangunan dan berhubungan dengan bangunan yang dipecahbagagikan termasuklah pemunya petak bangunan itu,</p>	<ul style="list-style-type: none"> Pindaan Sub Tajuk Seksyen 85A <p>“Pemeriksaan Bangunan dan Cerun Secara Berkala”</p> <ul style="list-style-type: none"> Pindaan definasi “Pemunya” di bawah Seksyen 85A, Akta 133 sebagai :- <p>(1) Dalam Seksyen ini –</p> <p>“Pemunya” ertinya pemunya sesuatu bangunan atau tanah dan berhubungan dengan bangunan atau tanah yang dipecahbagagikan termasuklah pemunya petak bangunan atau tanah itu, mana-mana orang atau badan yang bertanggungjawab terhadap bangunan atau tanah tersebut, Badan Pengurusan Bersama dan Perbadanan Pengurusan yang mempunyai erti yang sama kepadanya di bawah Akta Pengurusan Strata 2013.</p>	<p>-Bagi meluaskan skop pemeriksaan tanah bercerun. Keperluan untuk meminda tafsiran pemunya adalah kerana kesukaran untuk mengeluarkan notis mengkehendaki bangunan diperiksa dan melaksanakan Seksyen 85A kepada setiap pemunya petak bangunan berstrata.</p> <p>-Bagi memastikan pemeriksaan bangunan secara berkala dapat meliputi semua pihak bertanggungjawab untuk melaksanakan pemeriksaan ini termasuk bagi bangunan berstrata.</p>

BIL.	PERUNTUKAN SEDIA ADA	CADANGAN PINDAAN	JUSTIFIKASI
	<p>(2) Seksyen ini hendaklah terpakai hanya bagi sesuatu bangunan yang melebihi lima tingkat dan mana-mana tingkat sesuatu bangunan yang adalah atau terletak di paras yang lebih rendah daripada tingkat bawahnya hendaklah disifatkan sebagai suatu tingkat.</p>	<p>(2) Seksyen ini hendaklah terpakai hanya bagi -</p> <p>(a) sesuatu bangunan yang melebihi lima tingkat dan mana-mana tingkat sesuatu bangunan yang adalah atau terletak di paras yang lebih rendah daripada tingkat bawahnya hendaklah disifatkan sebagai suatu tingkat;</p> <p>dan</p> <p>(b) sesuatu tanah yang mempunyai cerun melebihi kecerunan 25 darjah dan melebihi jumlah ketinggian tegak 10 meter, samada tanah tersebut didirikan bangunan atau tidak.</p>	<p>Cerun sebegini adalah lebih berisiko dan berbahaya serta boleh memberi implikasi yang buruk kepada nyawa orang awam yang berdekatan dengan kawasan cerun jika berlaku kegagalan.</p>

BIL.	PERUNTUKAN SEDIA ADA	CADANGAN PINDAAN	JUSTIFIKASI
	<p>(3) Pihak berkuasa tempatan boleh, tanpa menjejaskan kuasanya di bawah seksyen 83, melalui notis secara bertulis yang disampaikan kepada pemunya sesuatu bangunan, menghendaki bangunan itu diperiksa—</p> <p>(a) selepas tahun kesepuluh yang bermula dari tarikh perakuan siap dan pematuhan berkenaan dengan bangunan itu dikeluarkan; dan</p> <p>(b) selepas daripada itu pada lat tempoh yang tidak lebih daripada sepuluh tahun dari tarikh penyempurnaan pemeriksaan yang terakhir bangunan itu di bawah seksyen ini.</p>	<p>(3) Pihak berkuasa tempatan boleh, tanpa menjejaskan kuasanya di bawah seksyen 83, melalui notis secara bertulis yang disampaikan kepada pemunya –</p> <p>(a) sesuatu bangunan di bawah subseksyen 2(a), menghendaki bangunan itu diperiksa –</p> <p>(i) selepas tahun kesepuluh yang bermula dari tarikh perakuan siap dan pematuhan berkenaan dengan bangunan itu dikeluarkan; dan</p> <p>(ii) selepas daripada itu pada lat tempoh yang tidak lebih daripada sepuluh tahun dari tarikh penyempurnaan pemeriksaan yang terakhir bangunan itu di bawah subseksyen 3(a)(i) ini;</p> <p>(b) sesuatu tanah yang bercerun di bawah sub seksyen 2(b), menghendaki cerun itu diperiksa –</p>	<p>Cadangan untuk menjalankan pemeriksaan cerun berkala setiap 5 tahun adalah satu langkah pencegahan untuk mengelakkan kejadian tidak diingini berlaku di mana dengan adanya pemeriksaan berkala, jurutera yang dilantik untuk menjalankan pemeriksaan perlu melaporkan kepada pemunya dan pihak yang bertanggungjawab sekiranya terdapat tanda-tanda berbahaya dan memerlukan tindakan.</p>

BIL.	PERUNTUKAN SEDIA ADA	CADANGAN PINDAAN	JUSTIFIKASI
	<p>(4) Pemunya sesuatu bangunan hendaklah, apabila menerima suatu notis di bawah subseksyen (3), menyebabkan bangunan itu diperiksa dalam masa yang ditetapkan dalam notis itu oleh seorang jurutera yang kena dilantik olehnya.</p>	<p>(i) selepas tahun kelima yang bermula dari tarikh pemilikan tanah berkenaan dengan cerun itu; dan</p> <p>(ii) selepas daripada itu pada lat tempoh yang tidak lebih daripada lima tahun dari tarikh penyempurnaan pemeriksaan yang terakhir cerun itu di bawah subseksyen 3(b)(i) ini.</p> <p>(4) Pemunya sesuatu bangunan atau tanah hendaklah, apabila menerima suatu notis di bawah subseksyen (3), menyebabkan bangunan atau cerun itu diperiksa dalam masa yang ditetapkan dalam notis itu oleh seorang jurutera yang kena dilantik olehnya.</p>	<p>Penggunaan “atau tanah” dan “atau cerun” digunakan bagi penambahbaikan skop pemeriksaan berkala bangunan kepada pemeriksaan bangunan atau cerun yang terdapat di dalam satu lot pemunya tersebut.</p>

BIL.	PERUNTUKAN SEDIA ADA	CADANGAN PINDAAN	JUSTIFIKASI
	<p>(5) Jika notis di bawah subseksyen (3) tidak dipatuhi, pihak berkuasa tempatan boleh memeriksa bangunan itu atau menyebabkan bangunan itu diperiksa oleh seorang jurutera yang dilantik olehnya dan mendapatkan segala perbelanjaan yang dilakukan secara munasabah olehnya pada berbuat sedemikian daripada pemunya bangunan itu.</p> <p>(6) Seseorang jurutera yang melakukan suatu pemeriksaan di bawah seksyen ini hendaklah memeriksa bangunan itu mengikut cara yang ditetapkan dalam undang-undang kecil yang hendaklah mengambil kira yang berikut:</p> <p>(a) suatu pemeriksaan visual bangunan itu, termasuklah tinjauan visual tentang keadaan bangunan dan unsur strukturnya dan apa-apa tambahan atau pengubahan pada bangunan itu dan unsur strukturnya;</p>	<p>(5) Jika notis di bawah subseksyen (3) tidak dipatuhi, pihak berkuasa tempatan boleh memeriksa bangunan atau cerun itu atau menyebabkan bangunan atau cerun itu diperiksa oleh seorang jurutera yang dilantik olehnya dan mendapatkan segala perbelanjaan yang dilakukan secara munasabah olehnya pada berbuat sedemikian daripada pemunya bangunan atau tanah itu.</p> <p>(6) Seseorang jurutera yang melakukan suatu pemeriksaan di bawah seksyen ini hendaklah memeriksa bangunan atau cerun mengikut cara yang ditetapkan dalam undang-undang kecil yang hendaklah mengambil kira yang berikut:</p> <p>(a) suatu pemeriksaan visual bangunan atau cerun itu, termasuklah tinjauan visual tentang keadaan bangunan atau cerun serta unsur strukturnya dan apa-apa tambahan atau pengubahan pada bangunan atau cerun itu serta unsur strukturnya ;</p>	

BIL.	PERUNTUKAN SEDIA ADA	CADANGAN PINDAAN	JUSTIFIKASI
	<p>(b) penyediaan dan pengemukaan kepada pihak berkuasa tempatan suatu laporan tentang hasil pemeriksaan visual itu;</p> <p>(c) jika, selepas menimbang hasil pemeriksaan visual itu, jurutera itu mengesyaki secara munasabah atau berpendapat bahawa ada kecacatan, perubahan bentuk atau kemerosotan pada bangunan itu atau unsur strukturnya yang akan atau mungkin akan membahayakan atau mengurangkan kestabilan atau keutuhan struktur mana-mana bahagian bangunan itu, dia hendaklah meminta kebenaran daripada pihak berkuasa tempatan untuk melakukan suatu siasatan struktur sepenuhnya ke atas bangunan itu termasuklah siasatan berkenaan dengan unsur strukturnya;</p>	<p>(b) penyediaan dan pengemukaan kepada pihak berkuasa tempatan suatu laporan tentang hasil pemeriksaan visual itu;</p> <p>(c) jika, selepas menimbang hasil pemeriksaan visual itu, jurutera itu mengesyaki secara munasabah atau berpendapat bahawa ada kecacatan, perubahan bentuk atau kemerosotan pada bangunan atau cerun itu atau unsur strukturnya yang akan atau mungkin akan membahayakan atau mengurangkan kestabilan atau keutuhan struktur atau cerun mana-mana bahagian bangunan atau cerun itu, dia hendaklah meminta kebenaran daripada pihak berkuasa tempatan untuk melakukan suatu siasatan struktur atau cerun sepenuhnya ke atas bangunan atau cerun itu termasuklah siasatan berkenaan dengan unsur strukturnya;</p>	

BIL.	PERUNTUKAN SEDIA ADA	CADANGAN PINDAAN	JUSTIFIKASI
	<p>(d) jika pihak berkuasa tempatan membenarkan permintaan yang dibuat di bawah perenggan (c) jurutera itu hendaklah melakukan suatu siasatan struktur sepenuhnya yang hendaklah termasuk yang berikut:</p> <p>(i) mengambil semua langkah yang munasabah bagi memperoleh maklumat berhubung dengan reka bentuk, pendirian, penyenggaraan dan sejarah bangunan itu;</p> <p>(ii) menyemak dengan usaha yang munasabah pelan struktur bangunan itu bersama dengan kiraan strukturnya, atau jika pelan atau kiraan itu tidak boleh didapati kena membina semula pelan dan kiraan itu jika dikehendaki sedemikian oleh pihak berkuasa tempatan, dengan tujuan untuk menentukan apa-apa kekurangan pada unsur struktur bangunan itu;</p>	<p>(d) jika pihak berkuasa tempatan membenarkan permintaan yang dibuat di bawah perenggan (c) jurutera itu hendaklah melakukan suatu siasatan struktur atau cerun sepenuhnya yang hendaklah termasuk yang berikut :</p> <p>(i) mengambil semua langkah yang munasabah bagi memperolehi maklumat berhubung dengan rekabentuk, pendirian, penyenggaraan dan sejarah bangunan atau cerun itu;</p> <p>(ii) menyemak dengan usaha yang munasabah pelan struktur bangunan atau cerun itu bersama dengan kiraan strukturnya atau laporan geoteknikalnya, atau jika pelan atau kiraan atau laporan itu tidak boleh didapati kena membina semula pelan dan kiraan dan laporan itu jika dikehendaki sedemikian oleh pihak berkuasa tempatan, dengan tujuan untuk menentukan apa-apa kekurangan pada unsur struktur bangunan atau cerun itu;</p>	<p>“atau laporan geoteknikalnya” dimasukkan memandangkan keperluan untuk memasukkan laporan geoteknikal bersekali dengan kiraan struktur. Laporan geoteknikal adalah penting untuk memastikan keadaan dan profil tanah dan batuan, rekabentuk asas, penstabilan cerun diambilkira dalam menentukan kestabilan bangunan dan cerun.</p>

BIL.	PERUNTUKAN SEDIA ADA	CADANGAN PINDAAN	JUSTIFIKASI
	<p>(iii) melakukan ujian ke atas unsur struktur bangunan itu tanpa merosakkan manamana bahagiannya;</p> <p>(iv) melakukan ujian ke atas bahan binaan; dan</p> <p>(v) melakukan ujian beban ke atas mana-mana bahagian bangunan itu yang jurutera itu fikirkan perlu; dan</p> <p>(e) jurutera itu hendaklah selepas itu menyediakan dan mengemukakan kepada pihak berkuasa tempatan suatu laporan tentang siasatan struktur sepenuhnya itu dan syornya.</p>	<p>(iii) melakukan ujian ke atas unsur struktur bangunan atau cerun itu tanpa merosakkan mana-mana bahagiannya;</p> <p>(iv) melakukan ujian ke atas bahan binaan; dan</p> <p>(v) melakukan ujian beban ke atas mana-mana bangunan atau cerun itu yang jurutera itu fikirkan perlu; dan</p> <p>(e) jurutera itu hendaklah selepas itu menyediakan dan mengemukakan kepada pihak berkuasa tempatan suatu laporan tentang siasatan struktur atau cerun sepenuhnya itu dan syornya.</p>	

BIL.	PERUNTUKAN SEDIA ADA	CADANGAN PINDAAN	JUSTIFIKASI
	<p>(7) Seseorang jurutera yang melakukan suatu pemeriksaan atau siasatan struktur sepenuhnya ke atas sesuatu bangunan adalah berhak mendapat pada bila-bila masa yang munasabah akses penuh dan bebas ke bangunan itu dan mana-mana bahagiannya yang dia dikehendaki memeriksa atau menyiasat dan mana-mana orang yang menggalang, menghalang atau melengahkannya pada pelaksanaan tugasnya adalah melakukan suatu kesalahan.</p> <p>(8) Tanpa menjejaskan hak pihak berkuasa tempatan untuk menjalankan kuasanya dan mendapatkan perbelanjaan di bawah seksyen ini, mana-mana pemunya sesuatu bangunan yang melanggar atau tidak mematuhi notis di bawah subseksyen (3) adalah melakukan suatu kesalahan.</p>	<p>(7) Seorang jurutera yang melakukan suatu pemeriksaan atau siasatan struktur atau cerun sepenuhnya ke atas sesuatu bangunan atau cerun adalah berhak mendapatkan pada bila-bila masa yang munasabah akses penuh dan bebas ke bangunan atau cerun itu dan mana-mana bahagiannya yang dia dikehendaki memeriksa atau menyiasat dan mana-mana orang yang menggalang, menghalang atau melengahkan pada pelaksanaan tugasnya adalah melakukan suatu kesalahan.</p> <p>(8) Tanpa menjejaskan hak pihak berkuasa tempatan untuk menjalankan kuasanya dan mendapatkan perbelanjaan di bawah seksyen ini, mana-mana pemunya sesuatu bangunan atau tanah yang melanggar atau tidak mematuhi notis di bawah subseksyen (3) adalah melakukan suatu kesalahan.</p>	

BIL.	PERUNTUKAN SEDIA ADA	CADANGAN PINDAAN	JUSTIFIKASI
	<p>(9) Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui perintah dalam <i>Warta</i>, membuat peruntukan bagi pemakaian seksyen ini, dengan apa-apa penyesuaian atau ubahsuaian yang ditetapkan di dalamnya, bagi bangunan yang berkenaan dengannya tiada perakuan siap dan pematuhan dikeluarkan.</p> <p>(10) Pihak berkuasa tempatan boleh, jika ia berpuas hati selepas menilai laporan pemeriksaan visual yang dikemukakan di bawah perenggan (6)(b) atau laporan siasatan struktur sepenuhnya dan syor jurutera yang dikemukakan di bawah perenggan (6)(e), mengikut mana-mana yang berkenaan—</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) bersetuju sepenuhnya dengannya; (b) menolaknya; (c) bersetuju dengan sebahagian daripadanya; atau (d) mendapatkan pandangan kedua ke atasnya. 	<p>(9) Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui perintah dalam <i>Warta</i>, membuat peruntukan bagi pemakaian seksyen ini, dengan apa-apa penyesuaian atau ubahsuaian yang ditetapkan di dalamnya, bagi bangunan yang berkenaan dengannya tiada perakuan siap dan pematuhan dikeluarkan.</p> <p>(10) Pihak Berkuasa tempatan boleh, jika ia berpuas hati selepas menilai laporan pemeriksaan visual yang dikemukakan di bawah subseksyen (6) (b) atau laporan siasatan struktur atau cerun sepenuhnya dan syor jurutera yang dikemukakan di bawah subseksyen (6) (e), mengikut mana yang berkenaan –</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) bersetuju sepenuhnya dengannya; (b) menolaknya; (c) bersetuju dengan sebahagian daripadanya; atau (d) mendapatkan pandangan kedua ke atasnya. 	

BIL.	PERUNTUKAN SEDIA ADA	CADANGAN PINDAAN	JUSTIFIKASI
	<p>(11) Pihak berkuasa tempatan boleh selepas itu—</p> <p>(a) mengeluarkan suatu perintah kepada pemunya bangunan itu untuk mengambil langkah yang perlu untuk membetulkan atau memperbaiki apa-apa kecacatan, perubahan bentuk atau kemerosotan yang disyorkan oleh jurutera itu dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan; atau</p> <p>(b) sebagai ganti kepada suatu penyiasatan di bawah seksyen 83, mengeluarkan suatu perintah kepada pemunya bangunan itu bagi penutupan dan peruntuhannya.</p> <p>(12) Sebelum menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (11), pihak berkuasa tempatan hendaklah, jika adalah semunasabahnya praktikal untuk berbuat sedemikian, menyampaikan suatu salinan perintah yang dibuat di bawahnya kepada tiap-tiap penduduk bangunan itu.</p>	<p>(11) Pihak Berkuasa tempatan boleh selepas itu –</p> <p>(a) mengeluarkan suatu perintah kepada pemunya bangunan atau tanah itu untuk mengambil langkah yang perlu untuk membetulkan atau memperbaiki apa-apa kecacatan, perubahan bentuk atau kemerosotan yang disyorkan oleh jurutera itu dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan; atau</p> <p>(b) sebagai ganti kepada suatu penyiasatan dibawah seksyen 83, mengeluarkan suatu perintah kepada pemunya bangunan atau tanah itu bagi penutupan dan peruntuhannya.</p> <p>(12) Sebelum menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (11), pihak berkuasa tempatan hendaklah, jika adalah semunasabahnya praktikal untuk berbuat sedemikian, menyampaikan suatu salinan perintah yang dibuat di bawahnya kepada tiap-tiap penduduk bangunan atau tanah itu.</p>	

BIL.	PERUNTUKAN SEDIA ADA	CADANGAN PINDAAN	JUSTIFIKASI
	<p>(13) Mana-mana orang yang tidak mematuhi perintah yang diberikan di bawah subseksyen (11) boleh apabila disabitkan di denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan juga boleh didenda tambahan tidak melebihi lima ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.</p> <p>(14) Walau apapun subseksyen (13) jika pemunya sesuatu bangunan tidak mematuhi suatu perintah yang dikeluarkan di bawah subseksyen (11), pihak berkuasa tempatan boleh mengambil apa-apa langkah yang ditetapkan dalam perintah tersebut atau memperdapatkan penutupan dan peruntuhan bangunan itu dan mendapatkan daripada pemunyanya perbelanjaan yang dilakukan secara munasabah olehnya berhubung dengannya.</p>	<p>(13) Mana-mana orang yang tidak mematuhi perintah yang diberikan di bawah subseksyen (11) boleh apabila disabitkan dikenakan denda tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit atau penjara bagi tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau kedua-duanya dan boleh juga dikenakan denda tambahan tidak lebih daripada lima ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.</p> <p>(14) Walau apa pun subseksyen (13) jika pemunya sesuatu bangunan atau tanah tidak mematuhi suatu perintah yang dikeluarkan di bawah subseksyen (11), pihak berkuasa tempatan boleh mengambil apa-apa langkah yang ditetapkan dalam perintah tersebut atau memperdapatkan penutupan dan peruntuhan bangunan atau tanah itu dan mendapatkan daripada pemunyanya perbelanjaan yang dilakukan secara munasabah olehnya berhubung dengannya.</p>	

BIL.	PERUNTUKAN SEDIA ADA	CADANGAN PINDAAN	JUSTIFIKASI
3.	<p>Seksyen 39</p> <p>(1) Seseorang yang mengalihganti, mengambil tempat atau membuat apa-apa perubahan kepada turap, papak atau lain-lain bahan mana-mana jalan awam atau kepada pagar-pegar atau tiang-tiang mana-mana jalan awam tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihakberkuasa tempatan atau tanpa kuasa lain yang sah di sisi undang-undang boleh apabila disabitkan dikenakan denda tidak lebih daripada lima <u>ratus</u> ringgit.</p> <p>(2) Seseorang yang <u>dengan sengaja</u> merosakkan atau menyebabkan atau membenarkan apa-apa kerosakkan dilakukan kepada mana-mana jalan, siarkaki, jalan kakilima, kerja atau harta, atau mana-mana bahagiannya, kepunyaan pihakberkuasa tempatan atau yang di sepanjangnya orang ramai mempunyai hak lalu boleh apabila disabitkan dikenakan denda tidak lebih daripada <u>satu</u> ribu ringgit.</p>	<p>(1) Seseorang yang mengalihganti, mengambil tempat atau membuat apa-apa perubahan kepada turap, papak atau lain-lain bahan mana-mana jalan awam atau kepada pagar-pegar atau tiang-tiang mana-mana jalan awam tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan atau tanpa kuasa lain yang sah di sisi undang-undang boleh apabila disabitkan dikenakan denda tidak lebih daripada lima <u>puluh ribu</u> ringgit.</p> <p>(2) Seseorang yang merosakkan atau menyebabkan atau membenarkan apa-apa kerosakkan dilakukan kepada mana-mana jalan, siarkaki, jalan kakilima, kerja atau harta, atau mana-mana bahagiannya, kepunyaan pihak berkuasa tempatan atau yang di sepanjangnya orang ramai mempunyai hak lalu boleh apabila disabitkan dikenakan denda tidak lebih daripada <u>lima puluh</u> ribu ringgit.</p> <p>(3) Walau apapun, pihak berkuasa tempatan boleh mengarahkan supaya orang itu melaksanakan pembaikan, membetulkan alihganti, ambil tempat atau ubahan itu dan</p>	<p>Kadar denda semasa yang diperuntukkan di bawah seksyen ini tidak setimpal dengan kesalahan serius yang telah dilakukan.</p> <p>Kadar denda semasa yang diperuntukkan di bawah seksyen ini tidak setimpal dengan kesalahan serius yang telah dilakukan.</p>

		sekiranya orang itu gagal berbuat demikian, pihak berkuasa tempatan boleh membaiki kerosakan itu atas belanja dan kos orang itu.	PBT boleh menuntut kos pembaikan jalan kepada pihak berkaitan, mengatasi masalah membaiki kerosakan jalan akibat korekan, menjadikan syarikat utiliti lebih bertanggungjawab dengan setiap kerja korekan, meningkatkan tahap kualiti dan keselamatan jalan raya.
--	--	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------